# ZHULIAN SCOPE

JULAI - SEPTEMBER 2020 Untuk Pengedar **ZHULIAN** Sahaja PP 13742/12/2012 (031428)

## Optimumkan Pendekatan Offline & Online Demi Meneruskan Momentum Kejayaan Bersama ZHULIAN






# KANDUNGAN


## UTUSAN PENGURUSAN

3 Rancakkan Kembali Prestasi Perniagaan Anda!

## GERBANG CEMERLANG

4 CDM - DSM

7 SSM - SE

## AYUH BANGKIT BERSAMA

9 Aktiviti Pemasaran Norma Baharu

## SIHAT & SEJAHTERA

10 Bagaimana Vitamin C Bermanfaat Bagi Sistem Imun Anda

12 Kolostrum ~ Bagaikan Cecair Emas Yang Tinggi Nilainya

16 Kita Jaga Kebersihan, Kita Jaga Kesihatan dan Kita Jaga Jarak…Kita Jaga Kita!

## MENAWAN & TERTAWAN

14 Fakta Yang Perlu Anda Tahu Mengenai Pensanitasi Tangan!

17 Pensanitasi Tangan PurelyZ **Produk Baru!**

## HIAS & RIAS

19 Barangan Kemas Saduran Fesyen **ZHULIAN FOKUS**




# RANCAKKAN KEMBALI PRESTASI PERNIAGAAN ANDA!

*"Optimism is a happiness magnet. If you stay positive, good things and good people will be drawn to you."*

**- Mary Lou Retton**

Rakyat Malaysia semakin bijak menyesuaikan diri mengemudi dan menjalani kehidupan di celah-celah krisis wabak membimbangkan yang belum ditemui penawarnya. Dalam usaha kerajaan merancakkan semula ekonomi demi manfaat dan kesejahteraan bersama, kita perlu mula menghimpun keyakinan dan belajar untuk kembali melangkah ke luar dan berada di kalangan masyarakat meskipun risiko kesihatan masih lagi ada.

Krisis ini turut mengajar kita untuk menyusun keutamaan dalam kehidupan kita. Hal-hal yang penting dan menjadi keperluan diutamakan, manakala perihal yang remeh harus ditolak ke tepi sementara waktu atau dipertimbangkan semula kemudian, jika perlu. Bukan mudah untuk berfikiran positif dan optimistik, bilamana situasi sekeliling tidak begitu positif. Namun terdapat berjuta hikmah yang terserlah dan terselindung di sebalik musibah yang melanda dunia ini! Kita terdorong untuk berkomunikasi dan berbisnes dengan memanfaatkan teknologi terkini. Teknologi membolehkan kita mengutip panduan dan nasihat secara langsung daripada ramai Pemimpin yang berkaliber, tanpa halangan jarak dan peluang. Bahkan kita mulai berani untuk belajar menerokai sesuatu yang sebelum ini di luar keselesaan kita.

Bercakap mengenai di luar keselesaan...kita telah dibenarkan kembali bekerja dengan menerapkan SOP yang telah ditetapkan. Kini apabila melangkah keluar rumah, bukan sahaja telefon bimbit, tetapi topeng penutup hidung dan mulut serta pensanitasi tangan menjadi antara item yang anda wajib ada dan wajib bawa. Melihat kepada keperluan terhadap produk '*essential*' ini, **ZHULIAN** telah memperkenalkan produk pensanitasi tangannya sendiri ~ Pensanitasi Tangan PurelyZ serta NutriLex Vitamin C 250 mg (Perisa Oren). Ia dikeluarkan bukan sekadar terikut-ikut trend terkini tetapi sebagai satu tanda keprihatinan **ZHULIAN** khususnya buat anda, para Pengedarnya. Produk kecil tetapi penting dan berkesan ini pasti mendapat tempat di hati masyarakat lalu menolong anda menjana jualan yang memberangsangkan secara mudah dan pantas. Semoga dengan pelancaran produk demi produk serta penganjuran pelbagai sesi webinar dan persidangan oleh Team Marketing mahupun pihak Agensi dan para Pemimpin, sedikit sebanyak akan membantu anda merancakkan kembali prestasi perniagaan **ZHULIAN** anda! Semoga tahun 2020 ini terpahat sebagai tahun yang mencabar namun menakjubkan dan membanggakan di dalam lipatan sejarah perniagaan anda!

ZhulianMalaysia

zhulianmalaysia

www.zhulian.com.my

My Zhulian

Scan & Download Now !

ANDROID APP ON Google play

Available on the App Store

Let's Chat!

TALIAN KHIDMAT PELANGGAN
客户服务热线 CUSTOMER SERVICE HOTLINE

604-6162039

Emel / 电邮 / Email :
chat2039@zhulian.com.my

**ZHULIAN SCOPE** is a magazine published and distributed by: **ZHULIAN MARKETING (M) SDN BHD** for **ZHULIAN** distributors only.

All copyright reserved. The reuse of any articles in this magazine is permitted only upon the written consent from:

**ZHULIAN MARKETING (M) SDN BHD.** (186058-T)
Plot 41, Bayan Lepas Industrial Estate,
Phase IV, 11900 Penang, Malaysia.
Direct Sales Licence No.: AJL 93195

Printed by:
**ZHULIAN PRINTING INDUSTRIES SDN BHD.** (216788-X)
Plot 42, Bayan Lepas Industrial Estate, Phase IV,
11900 Penang, Malaysia.



# CDM SALINA BT IBRAHIM

28-0003175928

Pekerjaan Sebelum Ini : PENIAGA KECIL-KECILAN
Penaja : CDM TAN SAY
28-0000224339

## CDM POWER GREEN ZHULIAN DI MUSIM PKPB



PKP…Ketika ramai orang di luar sana tiada pekerjaan dan dipotong gaji, saya melihat ia sebagai peluang untuk menyuntik semangat diri lantas mengorak langkah untuk muncul sebagai CDM Power Green **ZHULIAN** di musim PKPB. Alhamdulillah, sejarah tercipta apabila saya melakukan transformasi dari berniaga secara Offline ke Online. Walaupun kehadiran anak muda ini pada awalnya bagaikan tidak disedari, namun berkat kegigihan, kesungguhan dan semangat juang yang kental dan berbekalkan modal yang kecil, syukur ke hadrat Ilahi kerana sampai jua saya ke pangkat ini.



Terima kasih buat pihak Syarikat terutamanya En. Nelson Cheah dan En. Ezani Bin Abdullah yang sentiasa memberi sokongan dan kepercayaan kepada anak muda "*Power Green*" ini. Sememangnya tidak mudah untuk meyakinkan orang bahawa saya juga boleh berjaya setanding para Pemimpin yang sedia ada. Sekiranya diberi peluang dan ruang, saksikanlah kelahiran ramai lagi generasi "*Power Green*" yang akan berganding bahu untuk mencapai Wawasan 2039 bersama **ZHULIAN**. Akhir kata, jutaan terima kasih kepada insan-insan yang banyak memberi galakan dan dorongan yang padu kepadaku iaitu suami, SM Muhammad Khairee Roosly, anak–anak tercinta serta keluarga, Mummy CDM Tan Say, Bonda tercinta RCD Hajjah Salina Bt Selamat yang sentiasa memberi ilmu tanpa jemu, sepupuline, sideline, downline dan rakan–rakan seperjuangan di seluruh Agensi **ZHULIAN** Malaysia, terutamanya **ZHULIAN** Agensi Shah Alam (SAC).
"Aku Sayang Kamu". We Love **ZHULIAN**!















# DSM LISA MUDIANA BT MUDIN

28-0004612124

Pekerjaan Sebelum Ini : PEREKA GRAFIK KANAN
Penaja : CDM SUHANA BT SAMAT
28-0000276299

## "TIADA YANG MUSTAHIL SELAGI KITA BERUSAHA. JANGAN JADIKAN SETIAP KESUSAHAN SEBAGAI ALASAN UNTUK KITA TERUS LUMPUH. MINTA KEPADANYA DAN USAHA SEHABIS DAYA, INSYAALLAH KITA PASTI SAMPAI DI PUNCAK JAYA!"

Alhamdulillah, dengan izinNya saya berjaya mencapai pangkat DSM pada waktu yang lebih awal daripada jangkaan. Terima kasih kepada Syarikat **ZHULIAN** kerana menyediakan pelbagai kemudahan dan produk berkualiti sehingga saya mampu membina pendapatan setiap bulan. Terima kasih yang tidak terhingga buat suami, kedua ibu bapa dan seluruh ahli keluarga yang sentiasa menyokong dan mendoakan saya. Mencapai pangkat SSM pada bulan April, dan seterusnya ke pangkat DSM pada bulan berikutnya merupakan sesuatu yang sukar bagi saya. Ditambah dengan musim PKP, membuatkan saya terfikir tidak mampu melakukannya. Syukur dipermudahkan. Dengan bantuan dan sokongan daripada upline tercinta CDM Suhana Bt Samat, CDM Tan Say dan CDM Salina Bt Ibrahim yang sentiasa memberikan suntikan semangat buat saya. Juga buat Agensi saya bernaung iaitu **ZHULIAN** Agensi Shah Alam di bawah pimpinan terulung RCD Hajjah Salina Bt Selamat yang banyak membantu selain mencurahkan ilmu yang tidak berbelah bahagi. Tidak dilupakan, semua Agensi, para downline, rakan usahawan **ZHULIAN** di seluruh Malaysia serta rakan pelanggan, saya ucapkan jutaan terima kasih. Tanpa anda semua, tak mungkin saya berada di tahap ini. Kejayaan ini milik anda semua! Terima kasih.




















# DSM SARIMAH BT YASA

28-0004843995

Pekerjaan Sebelum Ini : SURI RUMAH
Penaja : SE ISMAIL BIN YASA
28-0004807606

## "TIADA JALAN PINTAS UNTUK BERJAYA SELAIN BANYAKKAN USAHA DAN BANYAKKAN DOA!"

Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh. Perjalanan bermula dengan satu langkah. Bismillahirahmanirrahim, alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi, jatuh bangun saya bersama **ZHULIAN** itulah kekuatan dan pengalaman yang tidak ternilai sehingga sampailah saya ke tahap DSM di musim PKP 2020. Terima kasih kepada suamiku, Mohd Norizan Bin Sulaiman dan anak-anak, Nur Aina Balqis dan Nur Afrina Damia serta doa ibu ayah yang tak pernah putus. Kalian adalah pendorong yang terbaik untuk saya terus kuat dan bersemangat melangkah ke hadapan tanpa menoleh ke belakang. Terima kasih juga kepada Syarikat **ZHULIAN** yang menyediakan platform terbaik untuk kami. Tahniah untuk Team "*Power Green*" Malaysia kerana kita semua saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain dalam menuju Wawasan 2039. Tak lupa ucapan terima kasih kepada upline saya, RCD Tuan Haji Ustaz Azman Bin Haji Ibrahim serta SE Ismail Bin Yasa yang memperkenalkan dan mendidik saya di dalam perniagaan **ZHULIAN**. Penghargaan istimewa buat Pemilik **ZHULIAN** Agensi Kota Bharu (Wisma Hamiah), iaitu mantan Diamond Star, RCM Hajjah Hamiah Bt Wan Omar yang telah membimbing saya sampai ke tahap ini. Terima kasih juga kepada semua downline dan sideline yang sentiasa saling bantu membantu. Akhir kata, apa sahaja matlamat pasti akan tercapai dengan langkah demi langkah…pastikan anda mengambil langkah yang pertama.




















SSM NORMIA BT MANYSUI @ MANSOR
28-0005130570



SM NURUL AUFA BT
RIZAL AFSAL
28-0002302575



SM ROSNANI BT SEDI
28-0004880579



SM HASLINA BT SAMAT
28-0005128727



SM SUHAIRI SELAMAT
ENTERPRISE
28-0005129659



SM RISNA TASMINA BT HUSIN
28-0005130911



SM NURUL HUDA BT
ABU BAKAR
28-0005182137



SM NORHAMIZA BT
ABU HASSAN
28-0005197875



SM SARIFAH RADZIAH BT
S TAJUL ARIFFIN
28-0005219666

SM ZARINA BT ABD RAHMAN 28-0005008514
SM LIM TIAN HUAT 28-0005102202

SE DORONSOM BT MADILONG
28-0004122161

SE NORAINI MAT NAYAN
28-0004419125

SE MOHD HELMAN BIN ABDUL WAHID
28-0004599307

SE NORAZIDAWATI BT JAAFAR
28-0004713251

SE IZWAN HAKEEM BIN MAHADI
28-0004728831

SE MUHAMMAD HILMAN BIN NORMAN
28-0004732173

SE INTAN NOR FATIHAH BT AZMI
28-0004868748

SE MAJUNAH BT ABDUL HAMEED
28-0004879836

SE MUHSIN BIN AHMAD
28-0004884161

SE MOHD ZAFRAN BIN IBRAHIM
28-0004926405

SE CHE NORUIANI BT MAT NOOR
28-0004931086

SE NOLITA BT TALIB
28-0004935770

SE SULASTRI
28-0004941950

SE ZAIDAH BT DAUD
28-0004973280

SE W.MINAH @ AMINAH BT W.AHMAD
28-0004986142

SE FATIMAH BT ABD WAHID
28-0004995714

SE RODZIAH BT IDRIS
28-0004995749

SE SYAHIRIZAM BIN SOBRI
28-0005014789

SE ROSITA BT MAHAT
28-0005023303

SE KHAIRINA NUR ILYASA BT KHAIRUL ANUAR
28-0005028871

SE NORMAZILAH BT MOHAMAD
28-0005045801

SE MUHAMMAD FARHAN BIN MOOHAMMAD
28-0005074275

SE YUSNITA BT YUSOF
28-0005076643

SE FATIMAH BT NORDIN
28-0005077152

SE ROSMAWATI BT MAT
28-0005088175

SE NUR HIDAAYAH BT NORMAN
28-0005104659

SE AZRINA BT ISMAIL
28-0005112271

SE ANITA BT DARUS
28-0005118799

SE NUR SITI AISHAH BT MOHD SHAH
28-0005121449

SE ADIBAH BT ISMAIL
28-0005124312

SE ALYA ADIBAH BT RAMLI
28-0005124315

SE HAJAH JUNINAH BT HJ MD SALLEH
28-0005084583

SE MOHD SHAHRIL BIN SALEH
28-0005133740

SE MAZLINAWATI BT MOHD HALMI
28-0005133935

SE NURASHIKIN BT ABDUL RADZAK
28-0005134168

SE KHADIJAH BT MOHD SHAARI
28-0005134590

SE NOR AI'HAN BT MUJAR
28-0005136820

SE FLORENCESA MANAGALA
28-0005140108

SE AWANG JAYA BIN JABAIL
28-0005141956

SE MUHAMAD FIRDAUS BIN SAMSUDIN
28-0005147728

SE JAMIL KHIR BIN AHMAD
28-0005148442

SE ROSNANI BT IBRAHIM
28-0005155435

SE MOHD NORZAIM BIN IBRAHIM
28-0005157255

SE JABAIDAH BT HASSAN
28-0005157257

SE SUZANA BT ABU BAKAR
28-0005157502

SE ROSMASLIZAH BT SEMAN
28-0005158322

SE CHE NORLIA BT ABDULLAH
28-0005160953

SE NORHAYU BT ABD SHUKOR
28-0005160954

SE KAMARUDDIN BIN HUSIN
28-0005163917

SE NASUHA ANIS BT MOHD NIZAM
28-0005164716

SE KHAIRUN NIZAR BIN ZAKARIA
28-0005165310

SE JUNAIDAH BT ISMAIL
28-0005165312

SE WAN ROSMANIZA BT WAN ISMAIL
28-0005167012

SE MUHAMAD AZMAN BIN AZMI
28-0005167306

SE RAMLAH BT ALI
28-0005168428

SE NORAZLIN BT YUSOFF
28-0005170797

SE FATIN SAZLIN IZWANI BT ALAUDDIN
28-0005172831

SE SITI SAKILA BT MAT
28-0005174886

SE FATIN FARZANA BT RUSZAINI
28-0005177339

SE NOR SAEDAH BT ABU BAKAR
28-0005182138

SE IFFAH LIYANA BT ZAHARI
28-0005182143

SE SALIZA BT AHMAD
28-0005187302

SE MUHAMMAD NUR BIN MUKHTAR
28-0005191256

SE MOHAMAD SYAHRUL BIN CHE ROS
28-0005191510

SE NORAIDAH BT WAGIMIN
28-0005191522

SE NORZALILA BT ABU BAKAR
28-0005191523

SE NOR LIAWATI BT ABU OTHMAN
28-0005191981

SE MD ISA BIN HJ DIN
28-0005196473

SE SITI RAHMAH BT MOHD IDEROS
28-0005198707

SE JUNITA BT YAHAYA
28-0005201826

SE ARRAUZAH BT RAZAK
28-0005208562

SE ROSLIN @ ROZLINA BT RAJAB
28-0005208563

SE NORAZIAN BT RAMLEE
28-0005208564

SE SITI EDAYU BT CHE SUHAIMI
28-0005208892

SE AZLINA BT SAAT
28-0005209387

SE MARINI BT ABDULLAH
28-0005210277

SE SITI MERIANI SHIKH A HANAM
28-0005212844

SE YUHANIZAM BIN YAAKOB
28-0005213550

SE NUR AMIRA BT MOHMAD ROPI
28-0005214905

SE MUJI BIN UTONG
28-0005215361

SE MUNAUWARA BT ZAINAL ABIDIN
28-0005215362

SE NORASHIKIN BT MOHAMED TAHIR
28-0005217425

SE RUZITA BT MD NAFIAH
28-0005220288

SE NORHAFIZAH BT MOHD FADZIL
28-0005222863

SE SITI ZAKIAH ISMAIL
28-0005223787

SE SAADAH BT HASSIM
28-0005224485

SE MUHAMMAD HANIS BIN SAIFULLAH
28-0005225107

SE RAMLAH BT KHALID
28-0005225338

SE MOHD SAHRIZAL BIN ISMAIL
28-0005226015

SE NAHNI A/P LONG
28-0005228960

SE SUHAIDA BT SUNUSI
28-0005229528

SE SHAMSUL BIN MAZALAN
28-0005233711

SE FAZLINAH BT ALI
28-0005236076

SE NOR AZLINA BT ARBAAIN
28-0005238097

SE SYAFIQA ANIE BTI ABDULLAH
28-0005238757

SE NATRAH BT MD YUSSOF
28-0005239119

SE HASMAH BT OTHMAN
28-0005239198

SE ZOLKIFLI BIN ABU BAKAR
28-0005239339

SE TUAN NARIAH BT SYED IDRUS
28-0005239484

SE ABDUL RAHMAN BIN HAMZAH
28-0005241354

SE RAZTIA BT ABDUL RAZAK
28-0005241641

SE MOHAMAD TARMIZI BIN MD ISA
28-0005242541

SE FAIRUS BT SALEH
28-0005244890

SE ROZITA BT PAHARUDDIN
28-0005244891

SE NOR SALASUATY BT ABDULLAH
28-0005245641

SE DORA USAT LAWING
28-0005246456

SE MOHD AYYUB BIN SHAFIE
28-0005246604

SE RUSLAN BIN SULAIMAN
28-0005246928

SE NURSYAHIDAH AISYAH BT MOHAMAD AMIRUDD
28-0005247104

SE KU FAEZAH BT KU HASHIM
28-0005250539

SE MARIAH BT OSMAN
28-0005250727

SE AHMAD ZABIDI BIN ABAS
28-0005251163

SE NOOR AKMA BT ABU BAKAR
28-0005253413

SE MEOR AMIR HAZIQ BIN ROHAIZAL
28-0005254918

SE NUR HAYATI BT HAJI MOHAMAD
28-0005255990

SE NABILAH HUDA BT SAMSUDDIN
28-0005262212

SE JOHARA BT HJ UJANG
28-0005264053

SE TAN WANG YIN
28-0005264218

SE MARY MUJAN ANYIE
28-0005264219

SE NURUL HIDAYAH BT RANI
28-0005264221

SE NORHAYATI BT MOHAMED YUSSOP
28-0005265555

SE PAIZAH BT MAT ISA
28-0005266687

SE MEOR HAJEED BIN AINUDDIN
28-0005266902

SE MUHAMMAD IZZUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN
28-0005266937

SE AZIZAH BT AB RAHMAN
28-0005268668

SE RAMLAH BT ABDULLAH
28-0005269008

SE SITI AZURA BT MOHD RAFI
28-0005269315

SE ZULKIFLI BIN ABD AZIZ
28-0005269317

SE SITI SARIMAH BT SAIFULLAH
28-0005269662

SE NUR'AWATIF BT GHAZALI
28-0005269729

SE NUR SURAYA BT ABU HASSAN
28-0005269995

SE SITI AFIFAH BT MAT DERUS
28-0005270389

SE MAISARAH BT CHE ABD TALIB
28-0005270618

SE NORMA BT LAZIM
28-0005273188

SE NUR ADIBAH BT AZLAN
28-0005277790

SE MAZNI BT MOHAMAD ZAIN
28-0005278095

SE ZURAINI BT NORVIT
28-0005278129

SE SUMAYYAH BT SAAIDIN
28-0005279506

SE SYURIANI BT MOHD ZAKI
28-0005279899

SE SITI RAFIDAH BT ABDUL RAHMAN
28-0005280315

SE ZAMIDAH BT ADAM
28-0005280317

SE ANIS ABYANA BT MOHAMAD SHAHROM
28-0005280324

SE MUSTAFA BIN OTHMAN
28-0005280545

SE SAKINAH BT HJ ABDULLAH
28-0005280711

SE MUHAMMAD RADZIMAN BIN RANI
28-0005285133

SE HALIPAH BT MD ARIB
28-0005285565

SE JEFFRY HAIZAL BIN JAMAIDUN
28-0005286481

SE DING JIA TEAN
28-0005287047

SE NUR AMALINA BT CHE SULAIMAN
28-0005287230

SE ASRI BIN ADNAN
28-0005289906

SE CHE AZLAM BIN ANUAR@KAMARUDDIN
28-0005290591

SE ROSNANI BT YUSOFF
28-0005293761

SE ROHANI BT KASIM
28-0005294817

SE ROHANI BT NAYAN
28-0005294818

SE NURUL SYAZMILLIA BT MOHD SHAFIE
28-0005295046

SE MOHD FAIZAL ANNUAR BIN CHE MAT
28-0005295100

SE HALIMAH BT DOLLAH
28-0005298265

SE NANCY URAI
28-0005303564

# MOTIVASI NORMA BAHARU bersama TEAM MARKETING ZHULIAN

Perubahan dan penyesuaian yang agak mendadak terpaksa dilaksanakan di dalam segenap kehidupan kita demi mendepani musuh baru yang tidak kelihatan. Selepas beberapa sumbang saran dijalankan, demi memastikan kebersamaan semangat serta kesinambungan ilmu perniagaan dan produk maka Team Marketing **ZHULIAN** telah bersepakat untuk menyiarkan sesi FB Live setiap hari Jumaat bagi mendekati para Pengedar dan Pemimpin yang jauh di mata, dekat di hati!






















Pastikan anda tidak ketinggalan mengikuti sesi-sesi FB Live berikutnya. Pengisian perbincangan yang berlangsung dalam suasana yang santai memudahkan lagi penyampaian informasi terkini dan perancangan masa depan. Sesekali, Penasihat Saintifik **ZHULIAN**, Prof. Dato' Dr. Azhar Bin Mat Easa serta barisan Pemimpin **ZHULIAN** turut hadir untuk memberikan lontaran ilmu yang amat informatif lagi bermanfaat!

Sesungguhnya perubahan tidak dapat dielakkan dan kita harus menerima dan menyesuaikan diri dengan situasi semasa sebaiknya. Marilah kita menerima perubahan 'norma baharu' dengan hati yang terbuka dan jadikan ia sebahagian daripada warna-warni pengalaman hidup tahun 2020!

# BAGAIMANA VITAMIN C BERMANFAAT BAGI SISTEM IMUN ANDA



Vitamin C, juga dikenali sebagai asid askorbik, merupakan nutrien penting yang memainkan pelbagai peranan di dalam tubuh. Ia adalah antioksidan yang mujarab, bermakna ia dapat meneutralkan sebatian tidak stabil di dalam tubuh yang dikenali sebagai radikal bebas dan menolong untuk mencegah atau menterbalikkan kerosakan sel yang disebabkan oleh sebatian ini. Salah satu sebab utama manusia mengambil suplemen Vitamin C adalah bagi merangsang imun, kerana Vitamin C terlibat di dalam pelbagai peringkat sistem imun.



## Menyediakan aktiviti antioksidan

- Vitamin C mengandungi antioksidan yang merangsang sistem imun.
- Melindungi sel daripada radikal bebas berbahaya.
- Berupaya mengurangkan keradangan bagi membantu untuk merendahkan risiko penyakit kronik.

## Meningkatkan antibodi

- Vitamin C menggalakkan pertumbuhan dan pengembangan sel darah putih (limfosit, sejenis sel imun yang meningkatkan antibodi).
- Merangsang aktiviti fagosit iaitu sel imun yang mampu "menelan" bakteria berbahaya dan zarahan lain. Fagositik leukosit juga menghasilkan dan membebaskan sitokin, termasuk interferon yang memiliki aktiviti antivirus.





## Merangsang penghasilan kolagen

- Vitamin C adalah penting bagi sistem pertahanan kulit.
- Mengekalkan kulit yang sihat dengan merangsang penghasilan kolagen.
- Menggalakkan penyembuhan luka.
- Menolong kulit tampil sebagai penghalang berfungsi bagi menyekat sebatian berbahaya memasuki tubuh.



## Merangsang penghasilan hormon

Vitamin C terlibat dalam penghasilan neropinefrina dan vasopresin ~ hormon-hormon yang berperanan penting menentukan bagaimana sistem kardiovaskular bertindak terhadap jangkitan.



## Vitamin C penting bagi fungsian sistem imun yang baik

Satu kajian oleh Seoul National University College of Medicine pada tahun 2013 juga menunjukkan Vitamin C adalah faktor penting bagi tindakbalas imun antivirus melalui penghasilan Interferon-α/β pada peringkat permulaan jangkitan virus Influenza A Virus (H3N2).



Para penyelidik mendapati bahawa Vitamin C berkurangan semasa jangkitan, maka kekurangan ini mungkin meningkatkan risiko jangkitan dan menjejaskan penyembuhan luka. Kajian penyelidik mencadangkan bahawa Vitamin C berkemungkinan dapat mencegah dan merawat demam selesema dan pneumonia. Mereka yang menghidap pneumonia cenderung mempunyai tahap Vitamin C yang lebih rendah dan pengambilan suplemen Vitamin C menunjukkan mampu memendekkan tempoh penyembuhan.










Vitamin C ialah vitamin penting, dan ia tidak dapat dihasilkan oleh tubuh. Dapatkanlah manfaat Vitamin C melalui tablet boleh kunyah **NutriLex Vitamin C 250 mg (Perisa Oren)**!

# KOLOSTRUM...
# Bagaikan Cecair Emas Yang Tinggi Nilainya!



Kolostrum adalah cecair kaya nutrien yang dirembeskan daripada payu dara wanita atau mamalia betina sejurus selepas melahirkan, dan ia sarat dengan faktor imun dan faktor pertumbuhan. Kolostrum menolong perkembangan sistem imun anak yang baru dilahirkan. Ia mengandungi sejumlah besar komponen pelengkap yang bertindak sebagai agen antimikrob semula jadi bagi menstimulasi kematangan sistem imun bayi secara aktif. Oleh kerana kolostrum manusia terhasil dalam kuantiti yang sedikit sahaja, maka kolostrum bovin (lembu) yang menyerupai kolostrum manusia menjadi pilihan kerana ia juga kaya vitamin, mineral, karbohidrat dan protein spesifik. Bahkan kolostrum bovin didapati memiliki faktor penggalak imun yang lebih tinggi berbanding kolostrum manusia!

## Apa perlunya KOLOSTRUM?

Secara asasnya, kita mengambil kolostrum kerana ia mengandungi **antibodi (Imunoglobulin)** yang dapat melindungi tubuh daripada bakteria, kulat, kulapuk dan virus, dll. Kolostrum juga diambil bagi merangsang sistem imun tubuh. Kandungan **Polipeptida Kaya-Prolin (PRP)** yang terdapat di dalam kolostrum bertindak menstimulasi sistem imun yang lemah dan membantu untuk menyeimbangkan kembali sistem imun yang terlampau aktif. Dan, memandangkan PRP tidak spesifik kepada spesis tertentu maka PRP daripada bovin (lembu) membawa manfaat kepada semua mamalia, termasuklah manusia.



## *Apakah PRP?*

*Polipeptida Kaya-Prolin (PRP) telah dikaji meluas kerana kesan hebat modulasi imunnya yang pelbagai. PRP telah menunjukkan keupayaan melawan banyak jenis jangkitan serta membantu penyakit autoimun seperti alahan dan lelah – lantas memudahkan modulasi dan toleransi sistem imun kita.*

## PELBAGAI KELEBIHAN KOLOSTRUM, antaranya...



- **Mencegah alahan dan jangkitan**
  - menolong untuk mencegah jangkitan di saluran gastrousus.



- **Menguatkan perut**
  - mengandungi antibodi dan laktoferin yang menolong untuk menguatkan dan menyembuh lapisan gastrousus. Ia juga mencegah keadaan dikenali sebagai sindrom usus bocor.



- **Merangsang metabolisme**
  - menolong untuk memperbaiki enzim hati dan toleransi glukosa sambil mengekalkan kadar metabolisme ke tahap normal.



- **Melegakan keradangan**
  - tinggi kandungan Polipeptida Kaya-Prolin yang membantu untuk mengembalikan fungsi sel yang seimbang.






## Berikan tubuh anda Faktor ABCD melalui ColoSkim setiap hari!

Campuran Susu Skim Dan Kolostrum **COLOSKIM** adalah bebas kolesterol, dan mengandungi kalsium, vitamin D, vitamin B2, protein dan magnesium. Ia juga mengandungi faktor ABCD yang bertindak sinergi bagi menyokong sistem imun serta pertumbuhan dan perkembangan tubuh yang sihat! Faktor ABCD ini berperanan seperti berikut:

**A — *Faktor A: Accelerate***
*Mempercepatkan pertumbuhan dan pembaikan bahagian tubuh penting bagi meningkatkan prestasi dan fungsi imun.*

**B — *Faktor B: Boost***
*Merangsang sistem imun untuk lebih menyesuaikan diri dengan persekitaran yang kurang sihat secara lebih baik.*

**D — *Faktor D: Deliver***
*Menghantar nutrien penting demi kesejahteraan tubuh.*

**C — *Faktor C: Coordinate***
*Mengkoordinasi sistem pertahanan bagi memastikan mekanisme yang seimbang.*



**NT 2019**




*Lindungi Kesihatan Anda Sekeluarga dengan Sistem Imun Yang Seimbang!*

# FAKTA Yang Perlu Anda Tahu Mengenai Pensanitasi Tangan!

**Masyarakat dunia hari ini semakin memberikan perhatian terhadap kesihatan, kebersihan dan keselamatan diri serta seisi keluarga. Gaya hidup norma baharu turut melibatkan permintaan yang tinggi terhadap pelbagai produk *'essential'* termasuklah pensanitasi tangan sehingga terdapat kekurangan bekalannya pada satu ketika. Namun begitu, *The Food and Drug Administration (FDA)* menyarankan masyarakat TIDAK membuat pensanitasi tangan sendiri kerana formulasi yang tidak tepat bukan sahaja menjadikannya tidak berkesan bahkan mungkin menyebabkan hakisan kulit atau kulit terbakar.**



Di pasaran kini terdapat pilihan pensanitasi tangan bebas alkohol dan berasaskan alkohol. Pensanitasi tangan bebas alkohol tidak disarankan penggunaannya oleh Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) kerana kurang berkesan berbanding pensanitasi tangan berasaskan alkohol yang berupaya mengurangkan bilangan mikrob pada tangan dengan pantas dalam situasi tertentu. Namun, harus diingat bahawa pensanitasi tangan tidak dapat menyingkirkan kesemua mikrob atau kuman serta bahan kimia berbahaya serta ia kurang berkesan pada tangan yang kotor dan berminyak.

Berikut dikongsi beberapa fakta-fakta penting mengenai pensanitasi tangan yang menjadi sebahagian daripada keperluan anda...



Pensanitasi tangan **TIDAK BOLEH** menggantikan keberkesanan **AIR** DAN **SABUN**.



**JANGAN** menggantikan pensanitasi tangan dengan menggunakan semburan atau cecair pencuci kediaman yang bernyahjangkit untuk perabut atau peralatan lain yang **BUKAN UNTUK KEGUNAAN MANUSIA**.



**KEBERKESANAN** pensanitasi tangan bergantung kepada beberapa faktor, antaranya **CARA DIAPLIKASI** (cth: kuantiti, tempoh, kekerapan, dll) dan sama ada **AGEN JANGKITAN** yang **HADIR** pada tangan boleh direncatkan oleh bahan aktif pensanitasi tangan tersebut.



Pensanitasi tangan hanya **BERKESAN** jika digosok meliputi setiap bahagian tangan untuk sekurang-kurangnya **20 SAAT**.







Menurut KKM, WHO dan CDC, penggunaan pensanitasi tangan yang disarankan untuk **MENGHAPUSKAN** virus COVID-19 mestilah yang berasaskan **alhohol** dengan **kepekatan 60-95%**.



Pensanitasi tangan perlu **DISIMPAN JAUH DARIPADA CAPAIAN KANAK-KANAK** dan memerlukan **PENGAWASAN ORANG DEWASA** ketika digunakan bagi mengelak keracunan alkohol.

Kadangkala pensanitasi tangan **DITAMBAH PELEMBAP** (seperti gliserin, vitamin E, aloe vera, dll) bagi mengurangkan kesan pengeringan alkohol serta mengekalkan kelembutan tangan.



Kandungan alkohol di dalam pensanitasi tangan bertujuan mencegah kuman berbahaya dan **BUKAN** dijadikan **MINUMAN** maka dari segi hukum Islam, ia **TIDAK NAJIS** untuk digunakan ketika **BERSOLAT**.



**Peringatan! Anggaplah pensanitasi tangan sebagai 'suplemen tambahan' kepada kebersihan tangan ketika ketiadaan air dan sabun. Gunalah PurelyZ untuk memelihara kebersihan tangan anda sekeluarga!**

**Spread love, not germs!**



# Kita jaga KEBERSIHAN, Kita jaga KESIHATAN dan Kita jaga JARAK …KITA JAGA KITA



Meskipun kita kini berada di fasa pemulihan dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), penting agar kita sentiasa berwaspada serta meneruskan dan membiasakan diri dengan amalan norma baharu. Selain kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitiser*, serta kekalkan jarak yang selamat antara satu sama lain…pastikan juga kebersihan diri, keluarga dan kediaman menjadi keutamaan setiap masa!










Gunakan rangkaian XTRA WASH untuk pelbagai tugasan mencuci di rumah demi keselamatan dan kebersihan serta demi ketenangan jiwa anda dan keluarga selagi wabak berbahaya masih menular di kalangan kita!

**ZHULIAN**

**Produk Berkualiti, Jenama Diyakini**

ZHULIAN

ZC-171

Purely Z

# PensanitasiTangan
# 搓手液
# HandSanitiser

Pensanitasi tangan lembut dengan kesan antibakteria yang melindungi dan melembap!

温和地保护和滋润您的双手！

A gentle antibacterial hand sanitiser that protects and moisturises at the same time!

Ditambah dengan jus daun Aloe Vera dan Vitamin E
添加了芦荟叶汁及维他命E
Added with Aloe Vera leave juice and Vitamin E

Membersih dan Melindungi
清洁和防护
Cleans and Protects

Lembut pada Tangan
对双手温和
Gentle on Hands

Cepat Kering, Tidak Melekit
快干、不粘腻
Quick Dry, Non-Sticky

Haruman Segar dan Bersih
清新干净幽香
Fresh Clean Scent




PC 3090
• botol 50 ml
RM7.50 (WM)
RM7.80 (EM)

Membasmi
99.99%
Kuman

杀灭 99.99% 的病菌
*Kills 99.99% of Germs*



# SENTIASA KEKALKAN KEBERSIHAN TANGAN ANDA BAGI PERLINDUNGAN TERHADAP JANGKITAN

## 令双手保持清洁卫生以避免感染

## Keep your hands clean to protect against infection

Tangan anda paling senang membawa kuman ke seluruh tubuh anda dan menyebarkannya kepada orang lain. Menurut Pusat Kawalan Dan Pencegahan Penyakit (CDC) di Amerika Syarikat, kira-kira 80% jangkitan berupaya merebak melalui sentuhan tangan. Oleh itu, penting memastikan kebersihan tangan anda.

双手是最容易传播病菌的途径，从而进入体内，也传播给其他人。根据美国疾病管制与预防中心的估计，多达80%的传染病是通过双手传播的。因此，大家有必要确保双手的清洁卫生。

Your hands may be the easiest vehicle for germs to enter your body and to spread to others. According to estimates by the US Centers for Disease Control and Prevention, up to 80% of all infections are transmitted by hands. Therefore, it is necessary to ensure your hand hygiene.

Purely Z

**Pensanitasi** Tangan
搓手液
Hand **Sanitiser**



### Sesuai untuk mengekalkan kebersihan tangan anda di mana-mana sahaja!

- ✓ Membasmi 99.99% bakteria dan kuman dengan kandungan 70% alkohol.
- ✓ Diformulasi dengan jus daun Aloe Vera dan Vitamin E agar kulit anda sentiasa lembap dan dilindungi.
- ✓ Menyerap pantas ke dalam kulit dan tidak meninggalkan rasa melekit-lekit.
- ✓ Membebaskan haruman menyegarkan pada tangan selepas setiap aplikasi.
- ✓ Dipek ke dalam botol kecil 50 ml dengan penutup mudah-buka untuk kemudahan pensanitasian di mana-mana sahaja.

### 无论您到何处都能有效保持双手清洁卫生！

- ✓ 70%酒精配方，可杀灭99.99%的细菌和病菌。
- ✓ 蕴含芦荟叶汁及维他命E，让肌肤保持滋润及同时获得最佳的保护。
- ✓ 可快速被肌肤吸收，但不会有粘腻的感觉。
- ✓ 每次使用都散发怡人的清新香味。
- ✓ 50毫升瓶装和易于打开的顶部瓶盖设计，方便随时随地为双手抑菌消毒。

### Perfect for keeping your hands clean wherever you go!

- ✓ Kills 99.99% of bacteria and germs with its 70% alcohol content.
- ✓ Formulated with Aloe Vera leave juice and Vitamin E to keep your skin moisturised and protected at the same time.
- ✓ Absorbs quickly into the skin and does not leave a sticky feeling.
- ✓ After each use, it leaves a pleasant refreshing scent.
- ✓ Packed in a small 50 ml bottle with an easy-open top for convenient sanitisation on the go.

Diedarkan Secara Eksklusif Oleh / *Exclusively Distributed By*:
**ZHULIAN MARKETING (M) SDN BHD** 198901008756 (186058-T)
Plot 41, Bayan Lepas Industrial Estate, Phase IV, 11900 Penang, Malaysia.
tel: 604-616 2020 fax: 604-641 3020
website: www.zhulian.com.my
Direct Sales Licence No.: AJL 93195

DSAM A Member of DSAM

**Peringatan:** Semua maklumat termasuk sebarang imej, pembungkusan, harga atau butiran yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis awal.
注：所有资料，包括任何图像，包装，价格和详情所载如有更改，恕不另行通知。
Note: All information including any images, packaging, prices or details contained herein are subject to change without prior notice.

ZB-235



# *Koleksi Shella Suri*

## *Ikatan Sayang*

Suri di hati, cinta di mata,
Dicari-cari, sinarmu ku puja,
Bagaikan mimpi menjadi nyata,
Kini dan selamanya kita tetap bersama.

RG 8977
**Cincin**
**Pulut Dakap Cangkerang**
RM72.00

RG 8978
**Cincin**
**Pulut Dakap**
RM72.00

RG 8976
**Cincin**
**Pulut Dakap Cinta**
RM79.00

BT 8979
**Rantai Tangan**
**Pulut Dakap Cangkerang**
RM422.00

BH 8982
**Kerongsang**
**Lilitan Laurel**
RM120.00

BT 8980
**Rantai Tangan**
**Pulut Dakap Cinta**
RM422.00

BH 8981
**Kerongsang**
**Mini Laurel**
RM64.00

## *Lingkaran Daunan*

Dedikasi buat yang teristimewa,
Baris demi baris tersusun kata,
Nantikan hari ia menjelma,
Semoga kebahagiaan milik kita...

*Ilustrasi tidak mengikut ukuran sebenar.*

*Saiz Cincin: 11, 13, 15, 17, 20*
*Saiz Rantai Tangan: 16.5cm, 17.5cm, 19cm*

# ZHULIAN AWESOME ACADEMY

Penampilan 3 pembimbing daripada Team Marketing dengan komitmen dan tugasan masing-masing bakal menggegarkan lagi siri webinar ini nanti!

*...because awesomeness takes practice!*



ZHULIAN menyajikan pelbagai seminar online yang menepati usaha dan kemahuan anda dalam mengatur perjalanan ke puncak jaya.
Namun, andalah pencorak masa depan sendiri...oleh itu mulakan langkah anda hari ini melalui ZAA agar anda berjaya menjulang kegemilangan Mahkota Royal!

## Webinar Pengedar

- New Distrbutor Orientation (NDO)
- Skill Sharpening Training (SST - SELLING)
- Skill Sharpening Training (SST - SPONSORING)
- Penilaian Diri Penentu Prestasi Kendiri

## Webinar Sales Executive

- Pemantapan Sales Executive
- New Leadership Success Principles

## Webinar Senior Sales Manager & Sales Manager

- Skill-Sharpening Training (SST-SERVICING)
- Breakthrough Mindset Coaching

## Webinar Diamond Sales Manager

- Brilliant Diamond Conference

## Webinar Crown Diamond Manager

- Excellent Crown Forum

## Webinar Royal Crown Manager

- Elite Royal Summit

Dapatkan maklumat mengenai Syarat Kelayakan, Tarikh dan Masa di FB ZHULIAN Malaysia dari masa ke masa.

*Semua Webinar akan berlangsung di platform Zoom Meeting. Pastikan anda 'sign-up' Akaun Zoom ya!*